

Banduan muda bertaubat menerusi pendidikan

MINGGUAN MSTAR 21 NOV 2010 K/S 4

SESAL dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna. Bagaimanapun, ramai banduan muda yang menyesal ekoran kesilapan mereka sebelum ini yakin masih ada sinar harapan di hujung terowong.

Ini rentetan daripada keberkesanan pendidikan dalam penjara yang membolehkan mereka bermuhasabah diri dan memberi ruang kepada mereka untuk bertaubat sekali gus membuka lembaran baru dalam kehidupan mereka.

Seorang banduan muda, Ali (bukan nama sebenar), 22, telah menetap di penjara selama tiga tahun atas kesalahan rogol. Atas kesalahannya itu, dia dipenjarakan lapan tahun dan dikenakan empat sebatan.

Dia bakal mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 23 November ini.


Ketika ditemuramah Mingguan MStar, katanya, dia begitu yakin menanti kedatangan hari tersebut kerana sudah bersedia untuk menduduki peperiksaan.

"Saya boleh belajar dengan bersungguh-sungguh di sini. Saya lebih suka belajar di sini," katanya.

Jelas Ali, dia tidak dapat belajar sebelum ini kerana banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya.

Malah dia mengakui keputusan peperiksaan di dalam penjara adalah jauh lebih baik daripada keputusan akademiknya sebelum dipenjarakan.

"Guru-guru tunjuk ajar sampai saya boleh. Saya juga belajar



Ali (kiri) menceritakan kepada penulis pengalamannya belajar di Sekolah Integriti Penjara Kajang.

dipenjarakan seumur hidup kerana membunuh rakannya turut akan mengulangi peperiksaan SPM tidak lama lagi.

penjara selalu memberikan nasihat dan semangat kepada saya untuk menumpukan perhatian pada pelajaran," katanya yang telah menjalani hukuman penjara

Pencapaian pelajar Sekolah Integriti

Berikut adalah bilangan calon dan peratusan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Keputusan PMR 2009

Sekolah	Bil. menduduki PMR	% Lulus
Henry Gurney Telok Mas Melaka	18	94.4
Integriti Kajang, Selangor	8	87.5
Integriti Kluang, Johor	5	100
Integriti Sg. Petani	4	100
Jumlah	35	94.3

Keputusan SPM 2008-2009

- Keputusan keseluruhan;
 - Seramai 105 calon menduduki SPM pada tahun 2009.
 - Kelulusan 93.3% (98 orang pelajar) berdasarkan pencapaian sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
- Pelajar terbaik SPM 2009;
 - (S.H.G Telok Mas) : 5A,2B,1C
 - (S.H.H Keningau) : 5A,2B,1D
- Sebanyak 6 mata pelajaran mencatatkan peratus kelulusan melebihi 80% iaitu mata pelajaran;
 - Kesusasteraan Melayu : 100%
 - Bahasa Malaysia : 93.3%
 - Sains : 95%
 - Tassawur Islam : 90.5%
 - Pendidikan Islam : 81.8%
 - Perdagangan : 80.4%

Sumber: Seksyen Pendidikan, Bahagian Pemulihan Dan Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia.

secara berkumpulan selepas waktu pembelajaran biasa," katanya yang akan menduduki peperiksaan untuk subjek Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Agama Islam, Sejarah, Perdagangan dan Tasawur Islam.

Ali yang berasal dari Terengganu sudah insaf dan berharap mendapat pengampunan dan bercita-cita nak menjadi pengurus perniagaan.

Sementara itu, Sunil (bukan nama sebenar), 20, yang

tidak mengambil peperiksaan untuk subjek Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan Perdagangan.

Sambil mengaku dirinya dan banduan lain bukan bodoh, Sunil memberitahu, dia membuat persediaan rapi dan tidak sabar-sabar lagi menduduki peperiksaan itu.

"Di sekolah dulu, saya tidak dapat belajar kerana tidak berminat dan selalu ponteng kelas. Namun, guru dan pegawai

telah menghuni Penjara Kajang selama empat tahun dan berharap mendapat pengampunan Sultan suatu hari nanti.

Sementara itu, Hong (bukan nama sebenar), 21, yang telah meringkuk di penjara selama tujuh tahun tidak mensia-siakan kehidupannya di sebalik tirai besi. Dia dipenjarakan seumur hidup atas kesalahan bunuh.

Dia kini sedang mengikuti kursus Diploma Pengurusan dan belajar secara dalam talian

kendalian Universiti Terbuka Malaysia (OUM).

"Saya mengemukakan soalan-soalan kepada pensyarah menerusi emel. Untuk mendapatkan jawapan dengan segera, saya akan menyertai forum dalam talian," katanya yang mengambil subjek *Elements of Laws, Basic Interpretation of Laws* dan *Discrete Mathematics* dalam semester kedua tahun pertama.

Dia mengikuti pembelajaran ala-campuran (*blended learning*). Pensyarah atau tutor akan datang sekali pada setiap dua minggu. Setiap sesi mengambil masa selama tiga jam 20 minit.

Malah selepas menghabiskan pengajian Diploma tersebut, Hong sudah memasam impian untuk mengikuti program Ijazah pula yang akan memakan masa tiga tahun pengajian.

MENGAJAR di Sekolah Integriti Kajang bukan perkara yang mudah walaupun sukatan pelajaran dan sistem persekolahannya adalah sama dengan sekolah biasa.

Ini kerana para pelajar Sekolah Integriti ialah banduan muda atau juvana yang sedang menjalani hukuman.

Bagaimanapun, terdapat sebilangan guru yang sanggup menahuti cabaran Kementerian Pelajaran untuk mengajar di penjara.

Salah seorangnya ialah penyelia Sekolah Integriti Kajang, Suriah Awang Chik yang mula menyertai Sekolah Integriti Kajang sebagai guru mata pelajaran Matematik sejak pembukaannya pada 2008.

Berbekalkan pengalaman mengajar Matematik selama lebih 20 tahun di sembilan buah sekolah menengah di seluruh negara sebelum ini, beliau terpanggil untuk membantu para pelajar yang juga banduan di Penjara Kajang.

Sekolah Integriti merupakan sekolah ke-10 yang disertainya sepanjang pembabitannya dalam bidang perguruan.

Selama ini pun, akui Suriah, beliau sering dipertanggungjawabkan untuk mengajari di kelas yang mana para pelajarannya lemah dalam bidang akademik.

Cabaran mengajar di Sekolah Integriti Kajang



FUZI MOHAMED ZIN

Menurut Suriah, cabaran paling besar mengajar di Sekolah Integriti ialah dia perlu menggunakan pelbagai pendekatan untuk berhadapan dengan pelajar dari pelbagai peringkat usia.

Adalah tidak menghairankan ketika itu, beliau masih tercari-cari kaedah serta rentak pengajaran terbaik ketika sekolah itu baru ditubuhkan.

"Misalnya, para pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil



SURIAH AWANG CHIK

Pelajaran Malaysia (SPM) terdiri daripada mereka yang berusia antara 17, 18, 19, 20 dan 21 tahun," katanya kepada Mingguan MStar.

Di peringkat awal penubuhan Sekolah Integriti, terdapat satu kelas Ujian Penilaian Sekolah Rendah, dua kelas pemulihan 3M (kemahiran membaca, menulis dan mengira), dan masing-masing satu kelas untuk Pra Penilaian Menengah Rendah (persediaan PMR), PMR, Kelas Pra Sijil Pelajaran

Malaysia (persediaan SPM) dan SPM selain kelas skil yang lain.

Tujuh guru mengajar 12 kelas. 120 pelajar kelas akademik, 50 pelajar skil pengkomputeran peringkat 1 dan 2.

Untuk menampung kekurangan guru, Suriah berkata, penjara mengambil khidmat banduan yang berpendidikan tinggi untuk mengajar.

"Sekarang, terdapat 13 orang guru yang mengajar 120 banduan dan 60 banduan baru. Guru-guru turut menyumbangkan masa memberikan syarahan dan tutorial pada hari Sabtu," katanya.

Sementara itu, guru kaunseling Fuzi Mohamed Zin berkata, cabaran terbesar guru adalah mengembalikan mood para pelajar.

Ini kerana katanya, terdapat pelajar yang langsung tidak tahu membaca kerana tidak pernah pergi ke sekolah. Ada yang tahu membaca tetapi tidak memahami isi kandungannya.

"Bila mereka dimasukkan ke SIK, tugas kita adalah lebih kepada memulihkan banduan muda tersebut dari segi akademik dan sahsiah," katanya.

Jelas Fuzi lagi, sahsiah para

pelajar tersebut terjejas ekoran datang daripada keluarga yang porak peranda serta menjalani kehidupan yang terbiar.

Beliau berpuas hati kerana usahanya mendekati banduan muda ini melalui pembelajaran di Sekolah Integriti telah menampakkan hasil yang baik.

Akui beliau, sesetengah mereka menampakkan perubahan sikap dan tingkah laku walaupun baru enam bulan belajar di sekolah tersebut.

Fuzi berharap masyarakat menerima banduan muda ini apabila mereka dibebaskan kelak kerana mereka memerlukan sokongan masyarakat untuk balik ke pangkal jalan.

"Ada yang berulang kali masuk ke SIK sebanyak dua atau tiga kali. Daripada sesi kaunseling yang dikendalikan bersama banduan terbabit, baru saya tahu mereka tidak dapat menyesuaikan diri di luar.

"Mereka tidak diberi peluang untuk mendapatkan pekerjaan malah tidak mempunyai tempat tinggal," katanya.